

|             |                                  |            |                      |
|-------------|----------------------------------|------------|----------------------|
| Headline    | Terus bantu pelajar kurang mampu |            |                      |
| MediaTitle  | Berita Harian                    |            |                      |
| Date        | 21 Sep 2021                      | Language   | Malay                |
| Circulation | 82,252                           | Readership | 246,756              |
| Section     | Nasional                         | Page No    | 2                    |
| ArticleSize | 330 cm <sup>2</sup>              | Journalist | Suzalina Halid, Mohd |
| PR Value    | RM 32,908                        |            |                      |
|             |                                  |            |                      |



# Terus bantu pelajar kurang mampu

**Pihak swasta, GLC digalakkan tawar biasiswa tingkat tahap pendidikan**

Oleh Suzalina Halid, Mohd Nasaruddin Parzi dan Luqman Arif Abdul Karim  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan menggalakkan pihak swasta, khususnya syarikat berkaitan kerajaan (GLC) menawarkan biasiswa kepada pelajar miskin dari luar bandar yang melanjutkan pengajian dalam pelbagai bidang pengkhususan.

Perdana Menteri, Datuk Seri

Ismail Sabri Yaakob, berkata komitmen kerajaan dan pihak swasta menyediakan program tajaan biasiswa pendidikan, akan membantu pelajar miskin luar bandar, keluar daripada kepompong kemiskinan serta menyokong usaha meningkatkan modal insan negara.

"Sebagai contoh, Tenaga Nasional Berhad (TNB) menawarkan biasiswa kepada pelajar miskin luar bandar di seluruh negara yang memenuhi kriteria melanjutkan pengajian dalam bidang berkaitan tenaga di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan institusi pengajian berkaitan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada soalan Ahmad Hasan (WARISAN-Papar), di Dewan Rakyat, semalam.

Ahmad mahu Perdana Menteri menyatakan pelan bersasar buat

**“Komitmen kerajaan dan pihak swasta menyediakan program tajaan biasiswa pendidikan, akan membantu pelajar miskin luar bandar, keluar daripada kepompong kemiskinan”**

Ismail Sabri Yaakob,  
Perdana Menteri



lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) daripada keluarga miskin luar bandar di Sabah yang ingin melanjutkan pelajaran peringkat pengajian tinggi dalam jurusan minyak dan gas menerusi biasiswa tajaan PETRONAS serta syarikat terkemuka lain.

Sehingga Jun 2021, Ismail Sabri berkata, PETRONAS sudah membelanjakan kira-kira RM249

juta bagi melaksanakan pelbagai inisiatif dan program pendidikan serta pembangunan modal insan merangkumi sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi untuk pelajar di Sabah.

Berdasarkan rekod PETRONAS, katanya, seramai 286 orang pelajar cemerlang dari Sabah menerima Program Penajaan Pendidikan PETRONAS (PESP) bagi

tempoh 2010 hingga 2020.

"Dalam membantu pelajar lepasan SPM khususnya daripada keluarga miskin luar bandar, PETRONAS memperkenalkan penajaan biasiswa pendidikan iaitu PESP.

"Permohonan program ini terbuka kepada semua pelajar cemerlang lepasan SPM dan pemilihan penerima PESP berdasarkan aspek merit.

"Selain keputusan SPM cemerlang dan pembabitan aktif dalam aktiviti kokurikulum, latar belakang sosioekonomi keluarga calon juga diambil kira dalam proses pemilihan bagi memastikan PESP diberi kepada penerima yang layak.

"Setiap calon perlu melalui proses pemilihan yang ketat, berfokus kepada kemahiran berfikir, kualiti kepimpinan dan kemampuan untuk bekerja dalam pasukan," katanya.